

15 OCT 2002

Rais-Air

MALAYSIA ADA HAK SEMAK HARGA AIR, KATA RAIS

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia sebagai penyumbang bekalan air kepada Singapura mempunyai hak untuk menyemak harga air kerana air adalah sebahagian daripada aset negara ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata soal bekalan air dari Malaysia ke Singapura adalah berasaskan kepada perjanjian yang termeterai di bawah undang-undang pada tahun 1961 dan 1962.

"Barangsiapa yang menyatakan bahawa Malaysia hilang haknya, maka itu adalah tidak benar dan tidak ada undang-undang yang boleh menghilangkan hak negara berhubung dengan air atau tanah," katanya selepas menerima kunjungan hormat Hakim William Rose dari United Kingdom di pejabatnya di sini, hari ini.

Rais berkata siapa yang berkata begitu memberi intepretasi undang-undang yang keterlaluan.

"Perjanjian ini dibuat pada satu zaman di mana keadaannya berbeza dari zaman sekarang dan seperti yang disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad isu bekalan air mesti diatasi atas lunas realiti dan realitinya ialah harga air patut dikaji semula," katanya.

Apa yang penting sekarang tuntutan undang-undang di bawah perjanjian air itu mesti direalisasikan dengan tuntutan hubungan dua hala dan tidak boleh diambil sekaligus menerusi undang-undang sahaja, katanya ketika mengulas dakwaan Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai hak untuk membuat semakan semula ke atas harga air.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air pada 1961 dan 1962. Mengikut perjanjian pada tahun 1961, Singapura boleh mendapatkan 88 juta gelen air sehari (MGD) dari kawasan tadahan air Pulau dan Sungai Tebrau serta Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 pula membenarkan Singapura mendapatkan 50 MGD lagi air dari Sungai Johor sehingga 28 September 2061. Kedua-dua perjanjian itu memperuntukkan semakan semula harga air selepas 25 tahun, yang sepatutnya masing-masing pada 1986 dan 1987.

Ditanya mengapa Malaysia tidak membuat semakan semula harga air pada tahun 1986 dan 1987, beliau berkata Singapura tidak boleh menjadikan alasan itu sebagai penalti kerana mereka belum melihat situasi sebenar.

"Situasi sebenar ialah pembekalan air ini tertakluk kepada punca dan asas yang ada pada Malaysia dan ia bukan seperti membekalkan kacang goreng atau gandum, ini pembekalan asas kehidupan iaitu air," katanya.

Mengenai kunjungan William Rose yang juga Pengarah Lembaga Kajian Kehakiman United Kingdom, Rais berkata ia bertujuan membincangkan mengenai program latihan kepada hakim-hakim di Malaysia bagi mengemaskini lagi sistem pentadbiran kes-kes negara.

Di samping itu, katanya ia juga memberi pengalaman baru kepada para hakim tempatan yang berada di United Kingdom (UK).

"Kita sebenarnya telah memulakan beberapa program pertukaran dengan beberapa daripada hakim kita telahpun ditempatkan di beberapa institusi kehakiman di UK," katanya.

Ini kerana katanya tuntutan undang-undang antarabangsa dan juga tuntutan sistem nilai dalam menguruskan kes-kes di Malaysia banyak persamaan dengan Common Law dan juga kes-kes di (negara) Komanwel.

"Kita ingin melihat hakim kita mempunyai latar belakang dan bimbingan yang secukupnya untuk menghadapi cabaran masa hadapan lantaran

undang-undang adalah satu disiplin yang sentiasa berkembang," katanya.
Oleh itu, katanya apa-apa pengalaman di UK yang sesuai akan cuba
dinilai semula mengikut konteks pengalaman di Malaysia.

-- BERNAMA

NJ AHH PR